

267. Tolong jelaskan makna syiqaq di dalam Al-Quran dan tolong cerita kalau orang-orang yang menentang sahabat itu tuhan kata berada di dalam syiqaq, maka apakah sifat yang sesuai dengan keadaan sahabat itu?

268. Di dalam ayat وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ

Bermaksud : “apabila dikatakan kepada mereka berimanlah kamu sepertimana orang-orang lain telah beriman”

siapakah yang dimaksudkan النَّاسُ disitu? dan ال itu menurut ilmu nahu dengan makna apa?

269. أَنُؤْمِنُوا كَمَا آمَنَ السُّفَهَاءُ قَالُوا

Ini adalah kata-kata golongan munafiqin terhadap para sahabat kalau tidak, siapa yang mereka kata begitu?

0. أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ

Bukankah Allah swt mengatakan bodoh dan jahil orang-orang yang menafikan keimanan sahabat dan memusuhi sahabat ?

271. يُخْرِجُهُمْ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ آمَنُوا

Orang-orang yang Allah maksudkan dengan يُخْرِجُهُمْ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ Adakah dimaksudkan dengannya sahabat atau Saidina `Ali di satu pihak yang lain dengan Hasan dan Husain?

272. Jika ayat tersebut maksudnya rasulullah tidak tepat, dan jika kata bersama rasulullah itu imam (dua Belas) juga tidak tepat kerana imam dua belas itu kamu kata ma'sum, jadi siapa kalau bukan Nabi dan bukan imam?

273. Kalau maksudnya sahabat maka meragui keimanan mereka itu salah, kerana sahabat berada dalam nur. jadi apa makna kita kata dia kafir setelah tuhan mengatakan dia keluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya? tolong jawab!

عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَاَعْفُ 274.

Siapakah yang dimaksudkan oleh Allah supaya Nabi s.a.w bermesyuarat dengan mereka, sahabat atau `itratur rasul? Kalau kita kata itratul rasul (yang ma'sum) apa makna Allah kata "minta ampun dan beristighfar".

275. Bukankah Allah s.w.t menjanjikan keampunan dan rezeki yang mulia kepada orang-orang yang ikhlas dalam keimanannya. Kalau jawapannya ya, kenapa lari dari maksud Al-Quran?

276. Kalau kamu kata ada juga orang yang memeluk islam kerana kepentingan duniawi, tolong bagitau pada ketika Nabi s.a.w duduk di Mekah ketika itu dia dalam keadaan tertindas atau berkuasa?

277.

278. Kalau waktu itu ialah waktu tertindas padahal tidak ada keuntungan duniawi di situ, menunjukkan bahawa mereka beriman benar-benar kerana Allah swt. Tolong bagitau kenapa tidak mahu terima? Kenapa kata iman mereka tidak betul? mana dalil?

279. Kalau diterima sahabat-sahabat semenjak dari awal tidak beriman, maka apa makna dalam ayat Al-Quran وَالسَّابِقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَ الْأَنْصَارِ ? dan apa makna tuhan janjikan kepada mereka syurga untuk mereka buat selama-lamanya? Apa makna السَّابِقُونَ kalau daripada awal tidak beriman.

280. Adakah syurga itu juga dijanjikan kepada orang-orang yang tidak beriman?

281. Kalau mereka tidak benar-benar beriman apa makna tuhan kata رَضِيَ عَنْهُ رَضِيَ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ?

282. فَوْزٌ عَظِيمٌ yang disebutkan dalam Al-Quran bolehkah dicapai oleh orang-orang yang tidak beriman?

283. Bukankah dalam Al-Quran disebutkan iman sahabat itu sebagai neraca untuk mengukur keimanan orang lain? dalam ayat فَإِنْ آمَنُوا بِمِثْلِ مَا آمَنْتُمْ بِهِ فَقَدْ اهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا هُمْ فِي شِقَاقٍ Bermaksud: "Kalau mereka beriman seperti apa yang telah **kamu** imani, bererti mereka benar-benar telah mendapat petunjuk kalau mereka berpaling mereka di dalam syiqaq." **kamu** itu siapa? yang tidak mengikut cara sahabat berada dalam syiqaq, yang ikut sahabat syiqaq ke? Makna syiqaq adalah

perpecahan, mana boleh yang berpecah itu orang yang mengikut sahabat kerana tuhan mengatakan yang berpecah itu mereka yang tidak mengikut sahabat.

284. Kalau kita kata sahabat-sahabat tidak beriman, apa makna diampunkan mereka dan digalakkan Nabi bermesyuarat dengan mereka?apa makna semua itu?

285. Orang-orang yang mati berperang ketika berjihad di zaman Nabi s.a.w kita nak panggil apa, orang mati sahaja atau orang syahid? Kalau kamu kata mendingan ataupun orang mati atau orang syahid. Kalau kata mati sahaja maka apa maksud ayat ini

وَلَاتَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ. فَرِحِينَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ

Tuhan kata ahyaa', kamu kata mati bagaimana? Siapa pula yang mati berperang fisabilillah?

287. Adakah orang-orang yang tidak beriman mendapat kurniaan daripada Allah swt?

288. Kalau kita kata mereka tidak beriman maka siapa yang dimaksudkan diakhir ayat itu?

289. Kalau tuhan terima dan tidak sebut dengan lafaz شهداء untuk mereka yang mati berperang, mahu atau tidak mesti terima bahawa sebelum syahid mereka beriman.

290. Selagi kita tak terima tuhan kasih kepada roh dan tubuh orang-orang yang mati syahid itu tidakkah bermakna kita mempunyai konsep yang salah tentang syahadah itu sendiri?

291. أَيُّهَا النَّبِيُّ حَسْبُكَ اللَّهُ وَمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ يَا

Bermaksud : “wahai Nabi cukuplah Allah kepadamu dan orang-orang mu'min yang mengikutimu”
Tolong bagitau siapakah yang dimaksudkan dengan orang-orang yang bersama Nabi? Boleh tolong berikan namanya?

292. Adakah maksud orang mu'min itu sahabat-sahabat secara keseluruhannya atau hanya Saidina `Ali dan tiga orang sahabat lain? Kalau kita kata sahabat, selesai masalah. Kalau kita kata Saidina `Ali dan tiga orang sahabatnya iaitu Salman Farisi, Abu Zar dan Miqdad apa makna pula ayat ini?

إِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ عَشْرُونَ صَابِرُونَ يَغْلِبُوا مِئَتِينَ وَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ مِائَةٌ يَغْلِبُوا أَلْفًا مِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا

Bermaksud : “jika ada dua puluh orang yang sabar di kalangan kamu, nescaya mereka dapat mengalahkan seribu orang kafir”.

293. Dalam ayat selepas itu; **إِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ أَلْفٌ يَعْلَبُونَ أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ اللَّهِ** bermaksud : “jika di antara kamu ada

seribu orang (yang sabar)nescaya mereka dapat mengalahkan dua ribu orang dengan izin Allah’. Dalam ayat yang menyebutkan seribu ini tidak ada asas, tidak ada makna atau menyalahi kenyataan atau bagaimana? cuba bagitahu!

294. Kalau kita kata tidak betul, bermakna kalam tuhan tidak betul. Kalau kita kata betul bermakna dakwaan kamu yang tidak betul. Cuba jawab tuhan atau kamu yang tidak betul?

295. **إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ** cuba bagitahu siapa yang dimaksudkan dalam ayat? sebut nama.

296. **الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمَ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّيْكَ هُمْ الْفَائِزُونَ. يُبَشِّرُهُمْ رَبُّهُمْ بِرَحْمَةٍ مِنْهُ وَرِضْوَانٍ وَجَنَّاتٍ لَهُمْ فِيهَا نَعِيمٌ مُّقِيمٌ. خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ**

Bermaksud : “Orang-orang yang beriman dan berhijrah,berjihad di jalan Allah dengan harta mereka, jiwa raga mereka itu lebih besar kedudukannya di sisi Allah dan merekalah orang yang benar-benar berjaya. Allah memberi berita gembira kepada mereka akan mendapat rahmat daripadanya dan keredhaan dan juga syurga untuk mereka di dalamnya ada nikmat yang berkekalan. Kekal selamanya mereka di dalamnya ada ganjaran yang besar disisi Allah (untuk mereka)”.

Siapa mereka? Atau kamu tidak mahu menerima ayat ini?

297. Kalau tak mahu terima, bagitahu kenapa tak mahu terima?

298. Kalau kamu terima, bermakna dakwaan kita ahli sunnah bahawa sahabat orang yang terpilih adalah betul,cuba jawab macamana tidak betul?

299. Kalau kamu menganggap sahabat-sahabat kosong jiwa mereka daripada iman, maka bolehkah orang begitu digelar dengan gelaran muhajirin?

300. Kalau mengikut dakwaan kamu mereka tidak beriman, maka apa makna tabshir,rahmat, memberitahu tuhan rela dengan mereka, masuk syurga, kekal dalam syurga dan sokongan dengan mendapat ganjaran yang besar apa makna kepada orang kafir yang tidak beriman??

301. Surah al-Imran ;

فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأُوذُوا فِي سَبِيلِي وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ
وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ

Bermaksud; “Orang-orang berhijrah,dikeluarkan daripada tanah air mereka dan disakiti dijalan mereka berperang dan terbunuh. pasti aku akan menutup kesalahan-kesalahan mereka dan pasti aku akan masukkan mereka kedalam syurga yang mengalir dibawahnya sungai sebagai ganjaran pahala dari sisi Allah, ganjaran yang baik itu ada disisi Allah.”

Siapa yang dimaksudkan dalam ayat ini? Dalam ayat ini menunjukkan sahabat-sahabat beriman atau tidak? Kalau beriman, adakah mereka menepati ayat ini atau tidak? Kalau tidak menepati kenapa? Kalau boleh menepati, bermakna tidak dapat tidak kita perlu menerima berdasarkan ayat ini mereka itu beriman dengan sebenar-benarnya dan hijrah mereka itu diterima dan dengan sebab itu diberi

gelaran الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا

303. Kalau kamu kata Abu Bakar tidak termasuk dalam mafhum ayat ini, cuba bagitahu kenapa tidak boleh termasuk?

304. Penghijrahan sahabat-sahabat, dikeluarkan daripada Mekah dengan paksa daripada tanah air, mereka disakiti kerana Allah,mereka berperang sampai terbunuh, tidak cukupkah semua itu sebagai bukti bahawa mereka itu beriman?

305. Dalam keadaan orang kafir musyrikin ramai berkuasa di Mekah orang islam pula sedikit tidak ada kuasa, untuk apa sahabat-sahabat memeluk agama islam dalam keadaan begitu yang kamu kata tidak ikhlas itu?

306. Nyawa semua orang sayang, sahabat berdasarkan yang tuhan sendiri bagitahu sanggup mengorbankan jiwa raga mereka dalam menentang walaupun sanak-saudaranya atau ahli keluarganya yang rapat mereka tidak kisah, tidakkah ini semua menunjukkan iman mereka itu sempurna?

وَالسَّابِقُونَ الْأُولُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ۗ 307
وَأَعَدَّ لَهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Siapa yang dimaksudkan dengan muhajirin dan ansar disini?cuba bagitahu berdasarkan dalil-dalil.

308. الذين اتبعوهم بإحسان, السابقين. cuba bagitahu, siapa yang dimaksudkan?

309. Adakah berita gembira ini diberikan kepada orang-orang yang mengikut sahabat yang masih ada lagi pada ketika itu (thabaqah tabien)?kenapa orang yang mengikut mereka itu tuhan janjikan syurga juga kalau mereka tidak beriman? adakah orang yang tidak beriman itu diikuti dan kerananya masuk syurga?atau maksudnya orang-orang islam sampai hari kiamat?

310. Saidina Abu Bakar,sadatina `Aaisyah. Zaid bin Harithah dan Saidina `Ali adakah mereka semua termasuk dalam muhajirin atau tidak? kalau masuk kenapa berbeza-beza?

311. Kalau sama tolong bagitahu,kalau tidak sama bagitahu dengan dalil kenapa tidak sama?

312. Kalau Abu Bakar dan Ali termasuk dalam السابقون من المهاجرين bermakna mereka akan masuk syurga dan akan kekal,tidakkah masuk syurga dan kekal di dalamnya menunjukkan mereka mempunyai iman yang sempurna?

313. Kalaulah dikalangan mereka yang tersebut tadi satu golongannya masuk syurga, satu golongan lagi tidak masuk syurga sepatutnya dalam ayat itu ada istisna' (pengecualiaan). Cuba tunjuk ada *istisna'* atau tidak?

314. Kalau orang-orang yang mengikut muhajirin dan ansar itu tuhan sudah isytiharkan dia redha dan mereka akan masuk syurga, tidakkah ini dengan jelas menunjukkan orang yang diikuti oleh mereka itu juga beriman?

315. Adakah Allah swt redha kepada orang-orang yang mengingkari agamanya?

316. Kalau boleh bawa dalil

317. Kalau tidak boleh, kenapa kamu bantah tentang kesempurnaan iman sahabat-sahabat setelah Allah swt redha kepada mereka dan kepada pengikut-pengikut mereka?

318. Masuk dalam syurga dan semata-mata menyediakan syurga untuk mereka adalah berbeza seperti langit dan bumi. Kalau berdasarkan nas Al-Quran kita mesti terima bahawa syurga itu Allah swt telah sediakan untuk mereka. Kalau kita nak terima dakwaan syiah yang mengatakan mereka tidak

akan masuk syurga, bermakna ada kurang ilmu ghaib tuhan itu*seolah-olah Allah tidak tahu mereka akan murtad,

319. Kalau ayat ini maksudnya hanya untuk 'itrah rasul, macamana ayat ini boleh sesuai dengan mereka.

320. وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ

الناس disitu siapa maksudnya?yang tuhan jadikan contoh kalau beriman.beriman begitu

321. Kalau kita kata Saidina `Ali sahaja, masuk dibawah usul mana?

322. الناس adakah untuk Saidina `Ali seorang?

323. Tidakkah dengan mengatakan sahabat-sahabat itu bodoh, tuhan telah menyatakan kemurkaannya.

Tidakkah menunjukkan mereka itu sempurna iman?

اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا دَرَجَاتٍ مِنْهُ وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

Siapakah mujahidin ini dikalangan sahabat? kalaulah sahabat, munasabahlah yang tuhan sebut dia beri rahmat,berkat,maghfirah dan mereka benar-benar berjaya.

324. أَلَمْ غَلِبَتِ الرُّومُ فِي أَدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ غَلِبِهِمْ سَيَغْلِبُونَ فِي بَضْعِ سِنِينَ لِلَّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلُ
وَمَنْ بَعْدُ وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ الْمُؤْمِنُونَ بِنَصْرِ اللَّهِ يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ

Siapa almu'minun ? bila zaman yang orang islam gembira sungguh? zaman khalifah mana?

325. يفرح المؤمنون. itu siapa? Dan kenapa mereka gembira dengan kemenangna orang-orang dahulu?

326. Kalau sahabat-sahabat yang menakluk negeri orang kafir itu tidak beriman, maka apa jawapan kepada ibarat yang tersebut di dalam Furu' Kafi Kitab Raudhah muka surat 137.

327. إنما غلب المؤمنون على فارس في إمارة عمر Bermaksud: orang mu'min dapat menguasai Farsi di zaman pemerintahan Umar.

328. الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّيْكَ هُمْ
الْفَائِزُونَ

Bermaksud: “Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah, dengan harta dan jiwa mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah. Mereka itulah orang-orang yang memperoleh kemenangan. Tidakkah ini menunjukkan bahawa mereka berdasarkan kesaksian tuhan sendiri beriman dan berjaya.

329. وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأُودُوا فِي سَبِيلِي وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لَأَكْفِرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ
تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ

Kalau sahabat-sahabat mengikut kamu tidak beriman, kenapa mereka berhijrah? dan kenapa mereka diusir dari tanah air mereka? kenapa mereka diganggu?

330. Bila Allah swt berjanji mengampunkan dosa-dosa mereka dan sudah berjanji untuk memasukkan kedalam syurga, maka tidak boleh lagi untuk kita faham lain.

331. لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ يُخْرِجُونَ مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ
اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ

Bermaksud: “ (pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran islam) untuk mencari limpah kurnia daripada Allah dan keridhaannya, serta menolong (agama) Allah dan rsulnya, mereka itulah orang-orang yang benar (iman dan amalnya)”.

Jelas mereka diusir dari tanah air mereka, diusir supaya meninggalkan harta benda mereka. Perbuatan begini dilakukan oleh orang ikhlas atau tidak ikhlas? ini sebenarnya menghilangkan kekeliruan puak-puak syiah sekiranya mereka percaya kepada Al-Quran. Patutkah kita ragu keimanan orang-orang yang membela Allah dan membela rasulnya ?

333. Adakah benar dalam beriman ?satu pihak kita kata betul-betul beriman satu pihak kita kata kafir, boleh duduk sekali ke?

334. Kalau ahli badar tidak orang beriman, apa makna tuhan kata;

إِذْ تَقُولُ لِلْمُؤْمِنِينَ أَلَنْ يَكْفِيَكُمْ رَبُّكُمْ بِثَلَاثَةِ آفٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ مُنزَلِينَ

Bermaksud : “(ingatlah wahai Muhammad) ketika engkau berkata kepada orang-orang yang beriman (untuk menguatkan semangat mereka) ‘tidakkah cukup bagi kamu, bahawa Allah membantu kamu dengan tiga ribu tenteradari malaikat yang diturunkan’?.”

Apa jawabannya?adakah hanya 3,4 orang yang pergi perang badar, dan tuhan tolong dengan tiga ribu malaikat adakah tuhan nak tolong orang kafir atau dia nak tolong Nabi seorang?

335. Adakah pertolongan tuhan diberikan juga kepada orang-orang kafir yang menentang agamaNya, ketika menentang orang-orang yang memperjuangkan agamaNya?adakah malaikat rahmat boleh turun untuk membela orang-orang yang salah?

336. Kalau kamu pertikaikan sahabat-sahabat yang berjuang dalam perang Uhud, maka apa jawabannya

وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّءُ الْمُؤْمِنِينَ

337. Kalau kata sahabat-sahabat lari dalam peperangan, itulah yang menyebabkan kamu meragui keimanan mereka tolong pecat kanta dan tengok **الله وليهما** apa makna.

338. Kalau kamu nak ambil kira tidak beriman mereka dengan sebab kalah dalam perang Uhud, dan mereka silap ketika itu tidak ikut perintah Nabi, jadi apa makna tuhan kata **وَلَقَدْ عَفَا عَنْكُمْ ؟**

339. Kalau kamu kata melanggar perintah rasul itu jadi kufur, apa makna tuhan kata diakhir ayat **وَاللَّهُ ذُو فَضْلٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ؟**

340. Dalam I’lamil Wara bi A’lamil Huda muka surat 53 **اشتدت قريش في أذى رسول الله** “bila **وأصحابهما**

orang- orang quraisy terlalu menyakiti rasulullah dan sahabat-sahabatnya”. Tolong bagitahu siapa sahabat- sahabat yang orang quraisy terlalu menyakiti itu?kenapa mereka sakiti? Adakah dengan anggapan sahabat-sahabat sefahaman dengan dia?

341. Dalam Jilaul `Uyun karangan Mulla Baqir Majlisi ada ibarat yang menunjukkan bahawa Saidina `Ali telah memilih Abu Bakar, Umar. Dalam Kasyful Ghummah ada sebut mengambil Abu Bakar, Umar Thalhah, Zubair sebagai saksi untuk perkahwinannya. Apa makna ambil orang tidak islam sebagai saksi?

342. Ketika Saidina `Ali masih ada, Saidina Umar telah mengahwinkan Saidina Husain dengan Syahar Banu

343. Ad-Duratun Najafiyah syarah Nahjul Balaghah muka surat 225 ada menyebutkan;

وكان عند خفة مرضه يصلي بالناس بنفسه فلما اشتد به المرض أمر أبا بكر أن يصلي بالناس

“bila sakitnya ringan dia menjadi imam kepada orang ramai, bila sakitnya teruk baginda menyuruh Abu Bakar menjadi imam kepada orang ramai”. Kalau Abu Bakar tidak beriman, kenapa Nabi suruh beliau menggantinya?

344. Kalau Saidina Abu Bakar tidak betul imannya, kenapa Allah swt pilih dia berhijrah sekali dengan rasulullah saw? demikian terdapat dalam Tafsir Hasan ‘Askari, Hayatul Qulub dan Ghazawat Haidari.

345.

346. Kalau Saidina `Ali tahu Saidina Abu Bakar tidak elok imannya, kenapa dia biarkan Saidina Abu Bakar pergi bersama Nabi?

347. وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا ظَلَمُوا لَنُبَوِّئَنَّهُمْ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَلَا جُزْءَ الْأَجْرِ الْأَكْبَرِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Bermaksud : Orang-orang yang berhijrah di jalan Allah selepas mereka dizalimi, pasti kami akan berikan kedudukan yang baik di dunia ini dan ganjaran di akhirat lebih besar sekiranya mereka mengetahui” Cuba bagitahu kenapa orang-orang kafir Mekah menganiaya sahabat-sahabat? apa alasannya?

348. Dengan sebab dizalimi di Mekah. Sahabat-sahabat yang berhijrah beberapa kali, cuba bagitahu siapa?

349. Orang-orang yang dizalimi, ditindas bersama Nabi saw tuhan janjikan untuk berikan kedudukan yang baik di dalam dunia, betul atau tidak? Siapa yang mendapat kedudukan yang baik di dunia mengikut janji tuhan itu? telah terlaksana atau tidak? Kalau tidak terlaksana bermakna janji tuhan tidak sempurna.

350. وَإِذْ غَدَوْتَ مِنْ أَهْلِكَ تُبَوِّئُ الْمُؤْمِنِينَ مَقَاعِدَ لِلْقِتَالِ

Nabi saw sediakan sahabat-sahabat (mu’minin) tempat-tempat strategi perang. Siapa mu’minin? Tidakkah ini sahabat-sahabat yang berjuang dalam perang Uhud?

351. “tuhan telah ampunkan kamu”. ولقد عفا عنكم.

352.

353. Kalau mengikut kamu sahabat-sahabat lari dari perang dengan sebab tidak beriman, apa makna Ka’ab bin Malik kata dalam Manhaj as-Sadiqin : ‘bila aku tengok rasulullah saw aku pun berseru, wahai

Ali wahai **orang-orang islam** bergembiralah kamu rasulullah ada disini, sahabat-sahabat pun menerkam kearah rasulullah seperti kelkatu menerkam kearah api. Mereka berperang semula sehingga Allah swt memberi kemenangan dan pertolongan kepada orang-orang islam. Apa makna???

354. Dok sibuk sebab lari, dan kerana lari iman jadi rosak. Dalam Majalisul Mu'minin 'kalau rasulullah telah lari dengan berhijrah, maka Ali telah lari dengan duduk di rumahnya'

355. **ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَأَنْزَلَ جُنُودًا لَمْ تَرَوْهَا**

Dalam perang Hunain

356. **لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ**

Dalam bai'ah riddhwan

357. Tidakkah memadai untuk menunjukkan keimanan orang-orang yang berjuang di Hudaibiyah dalam ayat **هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ**

PERBINCANGAN UNTUK MENOLAK TUDUHAN BAHAWA SAHABAT ITU MUNAFIQ

358. Kalau kamu kata sahabat-sahabat yang masuk islam di zaman Nabi itu sebagai munafiq sebenarnya ,kalau begitu tolong bagitau semasa hidup di Mekah kuasa politik berada ditangan Abu Jahal atau ditangan rasulullah?

359. Kalau kamu kata yang berkuasa di Mekah itu Nabi, maka apa guna takut? Kalau Abu Jahal yang berkuasa, apa perlu sahabat munafiq?

360. **أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ يَا**

Bermaksud : "Wahai Nabi, perangilah orang-orang kafir dan orang-orang munafiq dan bersikap keraslah terhadap mereka" Kenapa Nabi heret mereka? Siapa yang berperang?bukankah ada sahabat-sahabat yang duduk bersama Nabi? Munafiq yang mana? Kenapa Nabi tak perangi sahabat dia? adakah tuhan tidak tahu atau tuhan tak bagitau?

361. Kalau kita kata tuhan tak bagitahu bermakna perintah tuhan itu sia-sia begitu kerana Nabi tak tahu siapa yang munafiq. Adakah perintah tuhan telah dilaksanakan oleh Nabi?

362. Kalau kita kata tuhan telah bagitahu sahabat-sahabat, menantu dan mertua Nabi itu munafiq, kenapa Nabi saw ajak mereka pergi berperang dengan orang kafir?dan mereka pula kenapa mati-matian membela Nabi saw? Tidakkah Nabi saw tahu, kemudian dia tidak berperang dengan puak-puak

munafiq ini, bermakna dia melanggar perintah tuhan.

363. Kalau kamu menganggap sahabat-sahabat munafiq, bukankah nifaq itu lebih berat daripada kufur? dalam keadaan tu macammna Nabi saw boleh ampunkan mereka, minta ampun dengan tuhan untuk sahabat-sahabatnya, dan tuhan suruh pula berbincang dengan puak-puak munafiq. Demikian dalam ayat: **فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ**

364. Kalau mengikut akidah syiah, Nabi dan imam-imam tahu ilmu ghaib. kalau Nabi tidak tahu sahabat itu munafiq bermakna Nabi tak tahu ilmu ghaib dan secara tidak langsung akidah kamu tidak betul sebab Nabi tidak tahu yang mereka itu munafiq. Kalau Nabi tahu bahawa mereka itu munafiq cuba buktikan akibat dari tahu itu mesti putus hubungan, cuba bagitahu bila Nabi putus hubungan dengan sahabat-sahabat dia?

365. Dalam Al-Quran sebut : **أَيُّنَمَا تُقِفُوا أَخَذُوا وَقَتَلُوا تَقْتِيلًا** bermaksud : “Puak-puak munafiq dimana sahaja

mereka akan ditemui pasti mereka akan dihukum dan dibunuh.”

Adakah sahabat-sahabat dihukum dimana-mana? jadi bagaimana kita nak kata sahabat-sahabat ini munafiq?

366. Dalam Al-Quran : **إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ** “Sesungguhnya orang munafiq (ditempatkan)

pada tingkatan yang paling bawah dari neraka.”. Sedangkan Saidina Abu Bakar dan saidina Umar disebutkan berada dalam رياض الجنة Tidak mungkin berada di neraka paling bawah tetapi dalam masa yang sama berada dalam kebun syurga.

367. Dalam Al-Quran disebut : **وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا آمَنَ السُّفَهَاءُ** kalau **كَلَّا إِنَّمَا هُمُ السُّفَهَاءُ**

dikatakan **كَمَا آمَنَ النَّاسُ** itu pun munafiq, bermakna sudah tidak ada orang-orang beriman.

Kemudian mereka kata “adakah patut kita nak beriman seperti orang-orang yang bodoh” kalau sahabat itu munafiq seperti mereka bermakna cerdik, kenapa mereka kata bodoh?

368. Dalam Kashful Ghummah mukasurat 106 ada tersebut Nabi saw berkata kepada Abu Bakar dan Umar **أَشْهَدُكُمْ أَنِّي زَوْجَتُ فَاطِمَةَ بَعْلِي ابْنِ أَبِي طَالِبٍ** “aku jadikan kamu sebagai saksi bahawa aku

kahwinkan Fathimah dengan Ali bin Abi Thalib”. Bagaimana Nabi pilih sebagai saksi untuk mengahwinkan punca kepada imam dua belas?

369. Dalam Al-Quran : **بَشِّرِ الْمُنَافِقِينَ بِأَنَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا الَّذِينَ يَتَّخِذُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ** . Ayat ini menunjukkan puak-
 puak munafiq ada hubungan dengan orang kafir, sebab itu tuhan janjikan azab yang pedih kepada mereka. Jadi macamana orang-orang yang kasih kepada rasulullah sanggup berkorban untuk Nabi nak dikata munafiq? kalau munafiq tentu dia tidak akan terus setia dengan Nabi. Dalam quran sebut “Orang-orang yang menjadikan orang-orang kafir itu teman setianya”.
370. Dalam kitab Fulus an-Najat dinukilkan Nabi saw dizamannya nak cari sahabat empat puluh orang pun tak boleh sebab itu Nabi tidak berperang. Ada empat puluh orang sahabat besar yang kafir tapi Nabi tak tahu sebab itu Nabi tidak perangi mereka itu. Kalau Nabi sendiri pun tak tahu macamana kamu tahu?
371. Kalau betul seperti yang dikatakan oleh pengarang Fulus an-Najat, bermakna tuhan suruh berjihad tidak ada makna, kerana tak tahu siapa dan Allah sendiri tak bagitahu Nabi.
372. Dalam Al-Quran **فَاعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ** . berdasarkan kitab Fulus an-Najat; perintah tuhan supaya berpaling meninggalkan mereka. Kalau meninggalkan, apa makna kalau Nabi duduk bersama mereka, hijrah bersama mereka, dalam perjalanan sekali dengan mereka kalau sakit suruh pula jadi imam.
373. **إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ بِهَا فِي الدُّنْيَا وَتَرْهَقَ أَنْفُسَهُمْ وَهُمْ كَافِرُونَ** Bermaksud : “Sesungguhnya tuhan mahu menyeksa mereka dalam dunia dan supaya nyawa mereka keluar dalam kafir”. Adakah sahabat-sahabat Nabi hidup terseksa? Siapa pula sahabat-sahabat yang mati kafir?
- 374.
375. Kalau sahabat-sahabat memang terbukti tidak sengsara kehidupan duniawi mereka padahal mereka itu sebenarnya munafiq bermakna tuhan bagitahu yang tidak benar .
376. Dalam Al-Quran : **وَعَدَ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْكُفَّارَ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا** Bermaksud : “Allah menjanjikan orang-orang munafiq lelaki dan perempuan dengan neraka jahannam, mereka kekal di dalamnya”. Atau kamu nak kata kawasan kubur Nabi itu neraka? kalau tak nak terima, Abu Bakar pergi bukan dengan kehendak Nabi, dan mereka bukan keluarga Nabi untuk duduk disitu. Jadi, apa makna kata imam yang keenam ‘tanah kubur seseorang itu adalah tanah yang dijadikan dia’?
- 377.

378. Apa makna Al-Quran kata : **لَا يَجَاوِرُونَكَ فِيهَا إِلَّا قَلِيلًا** “mereka tidak akan berdekatan denganmu kecuali untuk sementara waktu sahaja”
 Saidina Abu Bakar berapa tahun duduk bersama dengan Nabi semasa hidup, setelah mati pun masih bersebelahan bahkan lebih lama berbanding semasa hidup. Kalau betul-betul munafiq macamana tuhan kata “mereka tidak akan berdekatan denganmu kecuali sebentar”? kalau kita kata munafiq bermakna tidak betul yang tuhan kata sampai kiamat akan duduk dekat dengan Nabi.
379. Mereka kata tidak semestinya duduk dekat pun **هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ وَهَذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ** seperti pengarang Fuluk an-Najat kata. kalau mereka guna hujah itu, kita nak tanya dalam ayat itu selepasnya ada **وَجَعَلَ** **بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا وَجِجْرًا مَّحْجُورًا** “tuhan meletakkan dinding diantara dua lautan” sepatutnya ada disini, cuba bawa bukti adakah dinding antara mereka, mana dalil?
380. Kalau kamu kata begitu bermakna kubur Nabi terlalu sempit.
- 381.
382. Dalam Al-Quran sebut **هَمُّوا بِمَا لَمْ يَنَالُوا** “mereka terlalu menginginkan apa yang mereka tidak perolehi”
 Ini adalah gambaran munafiq, sedangkan sahabat-sahabat adalah golongan yang berjaya dunia dan akhirat.
383. Kalau nak kata Abu Bakar dan Umar munafiq juga dalilnya **لَا تَعْلَمُهُمْ نَحْنُ نَعْلَمُهُمْ** “kamu tak tahu mereka sedangkan kami tahu” . kalau Nabi sendiri tuhan tak bagitahu, macamana kamu tahu Abu Bakar dan Umar kafir atau munafiq?
384. Kalau Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar sudah termasuk dalam **السَّابِقُونَ الْأُولُونَ** kenapa tak mahu terima?
385. Dalam Al-Quran ada sebut : **وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِي لَحْنِ الْقَوْلِ** “kamu pasti akan kenal mereka melalui gaya percakapan mereka”. Kenapa kata Nabi tak kenal?